

PRESTASI KEWANGAN KOPERASI PEKEBUN KECIL,
DAERAH SEGAMAT (KOPEDAS) SDN. BHD.

AJMAN BIN RAKMAN

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



106483

106483

ABSTRAK

Koperasi Pekebun Pekebun Kecil Daerah Segamat (Kopedas) Berhad, ditubuhkan bertujuan untuk mengelompokkan tanah pekebun kecil untuk mewujudkan satu ladang yang diusahakan secara komersial dan untuk melahirkan pekebun kecil yang berwawasan, subur pemikiran dan pengamalan nilai-nilai positif, pro aktif, berdaya saing serta saling bahu membahu ke arah kecemerlangan kehidupan. Aktiviti-aktiviti Kopedas lebih tertumpu di dalam bidang pemasaran input dan hasil pertanian, pengangkutan kargo, dan kontrak-kontrak am dan bidang pembangunan tanah. Setelah lebih 15 tahun beroperasi, pihak Kopedas telah mempunyai pengalaman yang luas dan banyak perubahan yang berlaku semenjak ia mula ditubuhkan sehingga ke hari ini. Sebagai sebuah institusi perniagaan, yang mementingkan keuntungan, pihak Kopedas perlu juga mempertimbangkan faedah-faedah yang boleh di sumbangkan kepada ahli-ahlinya. Selain dividen sebagai imbuhan kepada pelaburan, lain-lain faedah ialah derma pelajaran, akhirat kematian dan pinjaman-pinjaman untuk modal perniagaan. Sejauh mana kemampuan Kopedas untuk memenuhi keperluan-keperluan untuk tuntutan ahli dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kopedas sendiri. Tujuan kajian ini untuk mengukur prestasi kewangan Kopedas dari segi keupayaan untuk membayar hutang, keumpulan aset untuk menghasilkan jualan, keuntungan dan penggunaan hutang bagi pembiayaan operasi. Bagi tujuan ini, analisis nisbah digunakan untuk mengukur prestasi tiga tahun Kopedas iaitu 1994, 1995 dan 1996 disamping 5 buah koperasi pekebun kecil lain sebagai pengukur perbandingan prestasi keseluruhan koperasi. Berdasarkan kepada dapatan dan andaian-andaian tertentu penyelidik membuat jangkaan untuk tahun 1997 sehingga tahun 2000. Selain daripada itu, penyelidik juga menggunakan analisis trend untuk melihat trend prestasi Kopedas berbanding dengan industri. Akhir sekali, berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi penyelidik menjana cadangan-cadangan yang dirasakan boleh memperbaiki lagi prestasi Kopedas dan dapat terus kekal di dalam industri.

1.0 PENGENALAN

Sebuah koperasi yang berjaya akan memberi manfaat kepada semua pihak. Berasaskan matlamat tersebut tanggungjawab mengawal, mengurus serta memajukan koperasi hendaklah dipikul secara bersama diantara pihak pengurusan dan semua anggotanya. Kepimpinan yang cekap,jujur, bersih, berpandangan jauh dan mendapat keredaan Allah S.W.T serta membuat keputusan secara musyawarah akan membolehkan koperasi berjalan berjalan lancar tanpa menimbulkan kerumitan yang menjurus kepada kegagalan.

Manakala peranan anggota pula sama pentingnya iaitu memberi sokongan padu kepada barisan pemimpin yang telah dilantik. Ini bersesuaian dengan firman Allah S.W.T yang bermaksud “Bekerjasamalah kamu pada perkara-perkara kebajikan dan bertaqwa dan jangan bekerjasama dalam perkara-perkara dosa yang boleh menimbulkan permusuhan”.(Al-Maidah: 2)

persekitaran semasa yang sering berubah turut memberi kesan kepada perkembangan koperasi. Pada masa ini perjalanan koperasi memerlukan komitmen yang mentap bagi menjamin kesinambungan berterusan bagi menyahut cabaran Wawasan 2020 bagi melahirkan masyarakat adil. Adil dari segi ekonomi, kekayaan diagih bersama, perkongsian penuh dan tidak wujud pengenalan kaum mengikut ekonomi.

1.1 Koperasi Pekebun Kecil

Gerakan kerjasama yang mencetuskan kelahiran koperasi di Malaysia bermula pada tahun 1922 dengan lulusnya Undang-undang koperasi oleh kerajaan dan terdaftarnya Syaraikat kerjasama yang pertama di Kampung Tebok Hj. Musa, Krian, Perak. Usaha langsung kerajaan ini telah menjadikan aktiviti “kerjasama”, ini satu pakatan manusia secara rasmi sebagai badan khas yang dilindungi.

Sehingga akhir tahun 1996, terdapat sebanyak 46 buah koperasi pekebun kecil yang aktif di Negera kita. Koperasi-koperasi pekebun kecil ini di bawah gabungan Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (NARSCO), yang beroperasi di Ibu Pejabat Risda, Kuala Lumpur. Di Negeri Johor sahaja terdapat lima buah koperasi pekebun kecil iaitu di daerah Muar, Batu Pahat, Kota Tinggi, Pontian dan Segamat.

Tujuan penubuhan koperasi ppekebun kecil ini dapat diterangkan oleh kenyataan

¹Bekas Y.B Menteri Pertanian, Datok Sri Sanusi Jonid

‘..... salah satu strategi kerajaan untuk menguatkan dan memajukan sektor pertanian kita ialah dengan menguatkan Pertubuhan Peladang dan koperasi yang berkaitan dengan pertanian yang terdapat di negara kita. Dalam perancangan kerajaan, agensi, pertubuhan dan koperasi pertanian dianggap sebagai jambatan emas yang menghubungkan pihak perancangan dengan masyarakat desa kita”.

¹ Berita Harian , Pertubuhan Pekebun kecil di Malaysia, Kuala Lumpur

Sistem pengeluaran petani-petani di negara kita sebenarnya mengalami beberapa kelemahan dan kekurangan yang mana secara langsung menempatkan mereka di tahap pengeluaran yang rendah dari segi kualiti dan kuantiti. Kelemahan ini wujud disebabkan kurang pelajaran, bantuan saintifik, teknik, kewangan dan pentadbiran. Ini menyebabkan mereka sering dieksplotasikan oleh golongan-golongan tertentu dalam soal-soal pemasaran, pembekalan input pertanian dan pemberian kredit.

Penubuhan koperasi ini diharapkan dapat menjadi sebagai jalan penyelesaian kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh petani.